

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

Ikrimah bin Abu Jahal

Siapakah di antara kita yang tidak mengenal tentangan Abu Jahal kepada perkembangan Islam? Ia menjadi musuh Islam yang besar sekali; dan begitulah juga anaknya, Ikrimah bin Abu Jahal. Tetapi kesudahan anak ini tidak seperti kesudahan ayahnya, yang hati di dalam keadaan kafir. Ikrimah, anak yang keras hati itu, matinya syahid di medan perjuangan – mati di dalam perjuangan menegakkan kalimah Tuhan – yakni menerima kematian sebalik dari kematian ayahnya.

Siapa Ikrimah itu? Ketika angkatan perang Rasulullah berada di pintu kota Mekah, menunggu saat akan memasukinya maka kaum Quraisy dengan perasaan cemas menunggu kedatangan utusan mereka, Abu Sufyan, yang diutus mereka mendapatkan Rasulullah dengan angkatannya.

Di dalam keadaan yang cemas itulah Abu Sufyan pulang dari perutusan itu sambil berteriak-teriak dengan suara yang lantang berkata: “Wahai kaum Quraisy, Muhammad telah datang dengan tenteranya yang maha kuat. Oleh yang demikian siapa di antara kamu yang memasuki rumah Abu Sufyan ia akan selamat; siapa yang tinggal di dalam rumahnya dengan pintu tertutup, ia akan selamat, dan sesiapa yang memasuki rumah beribadat ia akan selamat.....”

Sekalian orang gerun mendengar teriak Abu Sufyan itu. Kebanyakan mereka bersegera lari masuk ke dalam rumah masing-masing tetapi Ikrimah, Ikrimah anak kepada Abu Jahal yang telah bersumpah akan memerangi Muhammad dan akan meneruskan perjuangannya di semua medan perang melawan kaum Muslimin, tidak mau meletakkan senjata, berusaha mengumpulkan sahabat-sahabatnya yang sepengertian dengannya.

Ikrimah berjaya mengumpulkan sahabat-sahabatnya itu dan kemudian mengadakan perlawanan dengan tentera Islam yang besar itu. Di suatu tempat bernama Khundamah. Tetapi dalam perjuangannya ini mereka terdesak dipukul oleh Khālid ibn al-Walīd sehingga Ikrimah bersama-sama kawannya yang masih tinggal melarikan diri mereka. Dengan adanya perlawanan yang kecil itu tentera Islam memasuki Mekah sedang Ikrimah serta pengikut-pengikutnya lari meninggalkan Mekah ke Yaman. Dalam masa menempuh padang pasir yang luas itu Ikrimah terus berjalan sebagai orang pelarian, ia berfikir-fikir mencari ikhtiar untuk mencari jalan bagi memerangi Muhammad (SAW). Sebab-sebabnya ia berazam begitu ialah kerana mempertahankan kedudukannya di mata Quraisy Jahiliah.

Dengan bersusah-payah dalam perjalannya akhirnya Ikrimah sampai di Yaman. Setelah beberapa hari di situ ia menumpang kapal hendak belayar menuju Habsyah tetapi malangnya belum pun beberapa lama ia belayar kapal itu dipukul angin ribut sehingga kapal itu hampir karam. Ketika itu nakhoda kapal itu berkata kepada penumpang-penumpangannya: “Berbuat jujurlah kamu kerana Tuhanmu tidak akan

ada gunanya di sini untuk menyelamatkan kamu.....”

“Kalau di laut hanya kejujuran yang dapat menyelamatkan kami maka di darat pun hanya kejujuran yang hanya dapat menyelamatkan kami. Tuhanku, aku berjanji dengan Engkau: Kalau kami Engkau selamatkan dari bahaya ini nanti aku akan datang kepada Muhammad dan meletakkan tanganku dalam tangannya – dan aku berharap mudah–mudahan ia seorang yang pemaaf....”

Doa Ikrimah itu makbul. Kapal selamat sampai semula ke pantai dan dipersuakan yang tinggal kepadanya bagaimana ia hendak menemui Muhammad. Akhirnya Ikrimah berpendapat hendak belayar semula tetapi kebetulan saat itu isterinya datang dari Mekah menemuinya.

Rupanya isterinya sepeninggalannya telah memeluk agama Islam dan kemudian meminta jaminan kepada Rasulullah sampai suaminya diberi keamanan. Permintaan ini dikabulkan Rasulullah dan kerana itulah ia datang mencari suaminya ditemani oleh seorang khadamnya. Dalam perjumpaan yang pertama Ikrimah bertanya tentang keadaan kaum Quraisy; pertanyaan ini dijawab isterinya: “Saya datang dari manusia yang paling baik. Ia telah memberi keamanan kepadamu.” Lalu diceritakannya hal-hal yang berlaku semuanya sehingga akhirnya Ikrimah bersetuju balik bersama-sama ke Mekah.

Setibanya di Mekah Ikrimah menemui suatu peristiwa yang tidak akan dapat dilupakannya. Junjungan kita Muhammad (SAW) datang menyambutnya dengan berdiri dari tempat duduknya sambil memeluknya dengan perasaan yang mesra. Dalam masa itu baginda berkata: “Selamat datang wahai pengembara yang utama....!”

Dengan perbuatan memaafkan dan kata alu-aluan yang utama ini maka padamlah dendam di dalam hati Ikrimah. Pada

saat itulah sejarah hidup Ikrimah tamat dan bertukar dengan sejarah baharunya yang gilang-gemilang.

Setelah menimbang-nimbang keadaan dan kedudukan kaumnya, kaum Quraisy pada masa-masa yang telah lalu dan memikirkan pula keadaan setengah-setengah mereka memasuki medan munafik yang akhirnya merendahkan Islam, dengan niat hendak meruntuhkan kedudukan Muhammad padahal masa itu Nabi Muhammad boleh berbuat sesuatu dengan kekuasaan yang ada di tangannya tetapi beliau memaafkan segala perbuatan-perbuatan yang telah lalu.

“Adakah orang yang lebih alim lagi dari Muhammad” - tanya Ikrimah di dalam hatinya. Sebagaimana Suhayl ibn Umar maka demikian itulah juga Ikrimah Bani bin Jahal.

Ia menjauhkan kaumnya yang telah jadi munafik dan daripada semua kaum munafik. Dengan langkah-langkahnya itu ia berkata kepada Rasulullah (SAW):

“Segala hartaku baki daripada perbelanjaanku memerangi tuan, akan aku korbankan semuanya pada jalan Allah..”

Semenjak hari itulah ia bertukar keadaan. Ia sehari-hari membaca al-Qur’an, sembahyang, berzikir dan lain-lain pekerjaan ibadat dibuatnya. Tetapi walaupun demikian taatnya namun sebahagian daripada kaum Muslimin ada pula yang menyindirnya: Ini adalah putera musuh Allah, Abu Jahal...”

Mendengar sindirian-sindirian yang begitu sakit benar dirasa oleh Ikrimah kerana itu ia datang menghadap Rasulullah (SAW) mengadukan sindiran-sindiran yang sangat pedih diterimanya itu. Bagi menjernihkan keadaan Rasulullah mengumpulkan kaum Muslimin dan menasihati mereka: “Janganlah kamu mencaci-maki ayahnya, kerana cacian terhadap orang mati itu akan menyakitkan orang yang hidup.”

Nabi menegah mereka memanggilnya Ikrimah ibn Abu Jahal. dan pada musim haji Nabi melantiknya menjadi ketua pemerintahan Hawāzin.

* * *

Hanya sebentar sahaja Ikrimah menikmati iman di sisi Rasulullah kerana tidak lama kemudian Nabi telah wafat. Pada masa itu hampir-hampir kaum Quraisy menjadi murtad jika tidak pemimpin-pemimpinnya seperti Suhayl dan Ikrimah. Tetapi kabilah-kabilah Arab yang lain banyak yang jadi murtad. Ini adalah menjadi suatu lapangan baharu bagi Ikrimah untuk menghapuskan arang yang ada di mukanya. Ikrimah memimpin pasukan yang berangkat ke Yamamah untuk menindas gerakan Bani Hanifah. Di sini ia telah menunjukkan mutunya yang sebenar dalam memberi ajaran-ajaran yang pahit kepada Bani Hanifah.

Sepulangnya dari Yamamah, Khalifah Abu Bakar telah mengirimi Ikrimah dengan suatu pasukan tentera ke Oman. Di sini Ikrimah telah melaksanakan suatu pertempuran yang yang sehebat-hebatnya sehingga kaum yang murtad itu tunduk. Setelah selesai perjuangan di Oman ia melanjutkan perjuangannya ke Maharah dan di sini ia beroleh kejayaan pula menundukkan kaum munafik itu.

Setelah selesai pembersihan terhadap kaum-kaum yang munafik itu tibalah saatnya dalam langkah pengembangan Islam ke daerah-daerah lain – menghadapi kerajaan Rom dan Parsi. Di sini terbuka lagi satu lapangan kepadanya untuk membersihkan dirinya.

Sebagai seorang mujahid yang tabah, Ikrimah berangkat bersama-sama tentera Muslimin menuju ke Syam. Dalam medan pertempuran di sini ia mengambil peranan yang sangat mustahak.

Sebelum angkatan perang yang besar itu berangkat ke tanah Syam Khalifah Abu Bakar al-Şiddiq keluar memeriksa

angkatan perang itu yang berkhemah kira-kira dua batu di luar bandar Madinah. Ketika Khalifah sampai di hadapan sebuah khemah besar yang di kelilingi oleh pengawal-pengawal berkuda dan bersenjata lengkap maka Khalifah bertanya: Khemah siapakah itu? Setelah nyata khemah itu khemah kepunyaan Ikrimah maka Khalifah menawarkan bantuannya dengan apa pun jua. Tawaran Khalifah itu ditolaknya dengan katanya: “Saya tidak berhajat apa-apa bantuan berupa benda. Saya mempunyai ribuan dinar. Hanya yang saya pohonkan kepada Khalifah ialah pengampunan dan doa Khalifah...”

Seketika itu juga Khalifah Abu Bakar mendoakan kebahagiaan dan kemenangan bagi Ikrimah dan tentera Islam.

Ketika pertempuran hebat berlaku di Yarmouk, Ikrimah tegak di tengah-tengah medan itu bertempik: “Saya telah memerangi Rasulullah di segala medan peperangan pada masa-masa yang lalu, apakah kamu fikir aku akan lari daripadamu...?!”

Kemudian kepada kaum Muslimin ia berseru: “Siapakah di antara kamu yang akan berani bersumpah untuk bersyahid bersama-sama denganku...?!”

Tawaran Ikrimah disambut dengan hangat oleh ayah saudaranya, Hārith ibn Hishām, puteranya Umar ibn Ikrimah, sahabat akrabnya Dirār ibn Azwar, dan oleh 400 orang kaum Muslimin yang pilihan.

Bersama-sama mereka itu Ikrimah bertempur mereka, menggempur musuhnya dengan suatu serbuan yang hebat dan berani sehingga musuh undur diri dari pertahanannya dan bercerai-berai. Dengan hati yang tabah Ikrimah menghadapi pedang, tombak musuhnya sehingga dada dan mukanya luka parah. Melihat keadaan itu sahabatnya memperingatkannya: “Taqwalah kepada Allah, ya Ikrimah! Dan kasihani pula

akan dirimu.”

Dengan tepat Ikrimah menjawab: “Dahulu aku telah berperang untuk *Latta* dan *’Uzza*, serta diriku telah kuserahkan kepada maut kerananya, maka apakah sekarang aku tidak berani mempertaruhkan jiwaku dalam jihad membela Allah dan Rasul-Nya? Tidak, demi Allah, aku akan tetap menyerahkan jiwaku dengan ikhlas kepada Allah.”

Ia meneruskan perjuangannya di dalam keadaan yang sedemikian itu, pahlawan Ikrimah mendapat apa yang dicita-citanya bersama-sama sekalian sahabat-sahabatnya dikecualikan *Dirār*, syahid membela agama Allah di dalam pertempuran yang hebat itu.

Jenazah Ikrimah dan anaknya Umar dibawa orang ke ibu pejabat Khalid ibn Al-Walid. Khalid terharu melihat jasad dua pahlawan anak-beranak yang syahid itu dan sebagai tanda kasih mesranya kepada keduanya, Khalid membaringkan Ikrimah di atas paha, sedang kepala Umar di atas betisnya; dan dengan suara yang tenang, sebagai panglima besar, Khalid berkata: “Umar ibn al-Khaṭāb menuduh bahawa kami tidak berani menghadapi maut. Nah, sekarang bagaimana? Tidakkah Bani Maḥzūm telah membayar dengan harga yang mahal untuk kebesaran Islam? Inilah dia Ikrimah, inilah dia ayah saudaranya dan inilah dia anaknya....!”

* * *

Di Madinah ... di rumah Rasulullah (SAW), di dalam perhimpunannya Ummu Salamah dalam hal berkata-kata tentang perkara-perkara disekeliling Rasulullah (SAW) berkata kepada sahabat-sahabatnya yang duduk di situ: “Rasulullah (SAW) berkata - “Aku melihat dalam syurga setandan kurma kepunyaan Abu Jahal”. Ketika Ikrimah memeluk agama Islam Rasulullah (SAW) berkata kepada aku lagi:

“Wahai Ummu Salamah inilah dianya”

* * *

Begitulah riwayat syuhada’ Islam yang dahulunya menjadi musuh ketat kepada Islam – begitulah setianya kepada Islam setelah yakin kepada pengajarannya sedang ayahnya sendiri hidup di dalam kafir, sebagai musuh Tuhan! Begitulah peredaran dunia dan begitulah cermin hidup bagi sekalian manusia terutamanya bagi pahlawan-pahlawan Islam.



Sebagian daripada anggota-anggota Ikhwan Jenalik Hilir, Perak bergambar sebagai perkenalan kepada anggota-anggota lainnya.

Depan dari kanan: saudara-saudara Muhammad Yunus, Ismail Mat Isa dan Muhammad Amin. Belakang dari kiri saudara-saudara: Dzulqarnain Idris dan Harun Umar.